

| | | | |
|-------------|---|------------|---------------|
| Headline | TNB guna RM15.9 juta bantu 50,000 pelajar | | |
| MediaTitle | Kosmo | | |
| Date | 19 Jul 2021 | Language | Malay |
| Circulation | 155,996 | Readership | 467,988 |
| Section | Negara | Page No | 12 |
| ArticleSize | 324 cm ² | Journalist | NUR HUDA MUSA |
| PR Value | RM 25,322 | | |
| | | | |



Merangkumi tajaan kemudahan belajar dalam talian

TNB guna RM15.9 juta bantu 50,000 pelajar

Oleh NUR HUDA MUSA

PETALING JAYA – Tenaga Nasional Berhad (TNB) memperuntukkan hampir RM15.9 juta tahun ini bagi meneruskan komitmennya memperkasa komuniti menerusi program tanggungjawab sosial korporat di bidang pendidikan.

Pengerusi TNB, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, peruntukan itu merangkumi penajaan kemudahan pembelajaran dalam talian, kelengkapan asas persekolahan murid dan aktiviti seperti bengkel, tuisyen serta persiapan peperiksaan.

“Sejak 2013 lagi kami telah menaja dan melaksanakan pelbagai program di peringkat sekolah bagi memupuk generasi masa depan dan meringankan beban keluarga B40 terutama di kawasan luar bandar.

“Bermula dengan Program Sekolah PINTAR yang diinspirasikan Khazanah Nasional, kami telah dapat mengasah pencapaian akademik, bakat dan kecemerlangan menyeluruh lebih 4,088 pelajar di sekolah terpinggir,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Ujarnya, sebanyak 11 buah sekolah luar bandar di seluruh negara juga terpilih untuk program sama pada tahun ini dengan bantuan RM315,000 untuk aktiviti seperti kem motivasi, kelas



MAHDZIR



tuisyen, seminar dan bengkel peperiksaan.

“Tajaan kami memberi peluang kepada murid-murid ini meningkat keperibadian dan prestasi akademik mereka.

“Bagi tempoh 2021 hingga 2023, aktiviti-aktiviti yang dijalankan di kesemua 11 sekolah angkat PINTAR ini akan melibatkan kos keseluruhan sebanyak RM945,000,” jelasnya.

Selain itu katanya, TNB juga membelanjakan RM32 juta se-



Tajaan kami memberi peluang kepada murid-murid ini meningkat keperibadian dan prestasi akademik mereka.”

lama lima tahun atau RM6.4 juta setahun bagi program transformasi pendidikan di lapan buah sekolah terpilih di Perak, Terengganu, Selangor dan Kelantan.

Ujarnya, usaha sama TNB dan Kementerian Pendidikan serta Yayasan Amir di bawah Khazanah Nasional itu memberi manfaat kepada 6,991 pelajar di sekolah-sekolah pinggir bandar.

“Bagi membantu murid-murid daripada keluarga miskin bandar di sekitar Ibu pejabat TNB di Bangsar pula, kami telah mengambil inisiatif memberikan elaun bernilai RM1,500 setahun untuk setiap pelajar sejak 2018. Sehingga 2020, sebanyak RM513,000 bantuan ini telah pun dimanfaatkan 150 pelajar.

“Elaun tahunan ini diberikan untuk tempoh tiga tahun sejak mereka di tingkatan tiga lagi. Seramai 150 pelajar akan menerima elaun ini dengan peruntukan berjumlah RM675,000 dalam tempoh tiga tahun ini bermula 2021,” tambahnya.